

25 JUN 2003

Siti Hasmah-Lega (Bergambar)

SITI HASMAH LEGA TIADA KEJUTAN SEMASA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

PUTRAJAYA, 25 Jun (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini menyuarakan perasaan lega beliau kerana Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang berakhir Sabtu lepas berjalan lancar tanpa sebarang "kejutan".

Siti Hasmah berkata beliau begitu gembira kerana tiada usul mengejut dikemukakan selain suaminya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat mengawal emosi terutama ketika mmenyampaikan ucapan terakhirnya sebagai Presiden Umno dengan tenang dan begitu baik sekali.

"Saya juga tidak menyangka beliau (Dr Mahathir) dapat mengawal perasaan dan keadaan dengan baik. Saya gembira ia berakhir seperti yang diharapkan," katanya kepada pemberita di Seri Perdana selepas meraikan pengunjung kesejuta kediaman rasmi Perdana Menteri itu di sini.

Sebelum ini, Dr Siti Hasmah pernah menyuarakan kebimbangan ada pihak yang akan membawa usul memujuk Dr Mahathir menarik balik perletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno Oktober ini.

Pada Perhimpunan Agung Umno tahun lepas, Dr Mahathir membuat kejutan apabila mengumumkan perletakan jawatannya secara mengejut ketika ucapan penggulungan.

Selepas dipujuk beberapa pemimpin kanan Umno, beliau kemudiannya bersetuju untuk melanjutkan tempoh persaraannya sehingga Oktober tahun ini.

Dr Siti Hasmah sebelum ini mengakui Dr Mahathir tidak memberitahunya hasrat beliau untuk meletak jawatan tetapi menyokong penuh hasrat suaminya untuk bersara kerana sudah tiba masa bagi Dr Mahthir berbuat demikian.

Menurut Siti Hasmah beliau pasti akan merindui kehidupan yang dilalui sekarang, terutama bertemu dengan orang ramai.

"Pastinya saya akan merinduinya. Tetapi saya akan terus bertemu orang ramai walaupun tidak seramai yang saya temui sebelum ini," katanya.

-- BERNAMA

SHI MAM LAT